

15/12/1997

Hal ehwal dalaman Yangon tidak diganggu

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada Myanmar bahawa Asean tetap dengan pendirian dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggotanya.

Perdana Menteri memberi jaminan itu dalam pertemuan selama sejam dengan Pengerusi Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar, Than Shwe.

Than Shwe turut memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai perubahan terkini di negara berkenaan.

Memberikan taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan itu, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kedua-dua pemimpin berkenaan turut bertukar-tukar pendapat mengenai keadaan di Myanmar.

"Beberapa perubahan perlu dilakukan dan mereka (kerajaan Myanmar) telah melakukannya. Dasar membina Asean diberi tumpuan dalam perbincangan mereka itu," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Ketika ditanya mengenai perubahan nama Majlis Pemulihan, Undang-undang dan Ketenteraman Myanmar (SLORC) kepada Majlis Ketenteraman dan Pembangunan Myanmar, Abdullah berkata, tiada sebab untuk berasa curiga mengenainya.

"Dari segi pembangunan, mereka telah pun membuat sesuatu sekarang," katanya.

Sementara itu, ketibaan Than Shwe untuk menghadiri Sidang Puncak Tidak Rasmi Asean di sini mulai esok menandakan komitmen Myanmar untuk bekerjasama dengan anggota Asean lain.

(END)